

23/10/2003

## Anti-Semitik dan sejarah kebencian terhadap Yahudi

Mustapa Omar

SEORANG pembaca dari Australia Barat, Indu Abeysekera dalam suratnya kepada akhbar The Australian menyatakan orang Eropah patut rasa bersalah dengan Holocaust dan ketaksuban mereka terhadap orang Yahudi, tetapi mereka tidak wajar mengharap negara Dunia Ketiga yang mereka jajah satu

masa lalu, sama-sama menanggung rasa bersalah itu kerana rakyat negara berkenaan tidak terbabit dalam jenayah itu.

Kenyataan Abeysekera itu amat menarik ketika ramai pemimpin Eropah, Amerika Syarikat (AS) dan Australia sendiri mengecam ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Khamis lalu yang dianggap

anti-Semitik apabila berkata Yahudi memerintah dunia melalui proksi dan mereka meminta pihak lain berlawan dan mati untuk mereka - satu hakikat yang tidak dapat diterima bangsa Eropah dan AS.

Sebenarnya, ramai yang bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir itu tetapi

tidak mahu menyatakan pandangan mereka kerana bimbang tekanan dan dikecam

oleh Barat serta AS. Mereka ini bukan saja di kalangan umat Islam, tetapi

orang Kristian yang memang sudah lama bencikan orang Yahudi. Malah, perkataan anti-Semitik itu sendiri diperkenalkan oleh seorang wartawan Jerman, Wilhelm Marr, pada 1879, sebelum dijadikan ideologi oleh Parti Pekerja Sosial Kristian Jerman dan Liga Anti-Semitik. Ternyata, anti-Semitik lahir dari kalangan orang Kristian sendiri.

Malah, kebangkitan Kristian turut membawa bersama semangat anti-Semitik

di kalangan penganutnya apabila orang Yahudi didakwa bertanggungjawab menyalib Nabi Isa. Fahaman ortodoks Kristian pernah membuat tanggapan bahawa orang Yahudi adalah kaum yang dilaknat Tuhan atau anak syaitan (John 8:44). Tetapi selepas kemenangan politik oleh puak Kristian dalam empayar Rom, tanggapan berkenaan turut berubah mengikut realiti sosial pada masa itu.

Revolusi Perancis dan emansipasi Yahudi Perancis pada 1791 memberi sedikit ruang kepada orang Yahudi, tetapi kemunculan liberalisasi di kalangan masyarakat kapitalis pada kurun ke-19 memberi satu tamparan kepada mereka. Golongan konservatif menganggap orang Yahudi sebagai 'penggali kubur dalam masyarakat Kristian' dan ini secara tidak langsung menghidupkan semula semangat anti-Semitik. Keadaan bertambah parah apabila

wujudnya pertelagahan keagungan bangsa antara puak Aryan yang diwakili oleh Nazi Jerman dan Yahudi.

Bermula dari sinilah munculnya sikap paranoid bangsa Yahudi, sekali gus

mengaitkan mereka dengan semangat untuk menidakkan masyarakat lain, menjatuhkan kerajaan dan merampas kuasa di seluruh dunia. Dakwaan ini termaktub dalam dokumen yang didakwa dipalsukan oleh polis perisikan

Russia pada akhir kurun ke-19 dan diterbitkan pada 1903 dan 1905 yang dikenali sebagai The Protocols of the Elders of Zion. Dokumen inilah juga

yang menimbulkan kebencian di kalangan rejim Nazi yang dipimpin oleh Hitler sehingga membawa kepada Holocaust antara 1933 hingga 1945.

Hitler mula menyisih masyarakat Yahudi dengan pelbagai cara. Bermula dengan tindakan boikot terhadap perniagaan milik Yahudi pada 1 April 1930,

diikuti sekatan terhadap anak Yahudi daripada memasuki universiti Jerman,

menutup semua ghetto (penempatan Yahudi) dan akhirnya pada 1940-an, dia menyumbat ribuan Yahudi Jerman di beberapa kem tahanan, termasuk yang paling terkenal di Auschwitz, Poland. Di kem berkenaan, tahanan Yahudi disiksa dan dibunuh dengan kejam, malah dalam satu pembunuhan beramai-ramai di Babi Yar dekat Kiev, 33,771 Yahudi dijadikan mangsa.

Kini, pengaruh Yahudi begitu kukuh hinggalah masyarakat Barat berasakan

mereka amat bersalah dan memikul dosa yang terlalu besar berikutan peristiwa Holocaust yang mengorbankan lebih enam juta orang Yahudi. Walaupun kejadian itu sudah lebih setengah abad berlalu, mereka masih tidak mampu memaafkan kesalahan mereka, malah tidak berani menyentuh atau

menyakiti hati orang Yahudi. Orang Yahudi ibarat keramat hidup yang begitu

mulia bagi mereka.

Keadaan ini memberi peluang kepada orang Yahudi untuk berbuat sesuka hati mereka. Orang Yahudi tahu orang Eropah 'berhutang' nyawa dengan mereka dan tidak berani menentang apa yang mereka lakukan. Akibatnya, rakyat Palestin yang langsung tiada kena mengena dengan bangsa Eropah dan

Holocaust menjadi mangsa mereka. Bumi Palestin yang mereka dakwa tanah air

orang Yahudi mereka rampas, penduduk Palestin mereka bunuh dan orang Arab

lain mereka tindas.

AS, seperti juga bangsa Eropah lain terlalu taksab dengan Yahudi. Keganasan Yahudi mereka anggap wajar kerana orang Palestin didakwa menceroboh bumi Israel, kekejaman Yahudi pula mereka anggap patut kerana orang Palestin dikatakan sebagai pengganas yang menyerang sebagai pengebom

berani mati. Semua yang dilakukan orang Yahudi tidak salah pada mata orang

AS dan Barat.

Bagaimanapun, apabila Dr Mahathir menegur sedikit saja orang Yahudi, Presiden George W Bush melenting, malah Perdana Menteri Australia, John Howard, negara yang begitu jauh dari Eropah dan AS, sebaliknya lebih hampir dengan Asia, turut marah.

Lebih menyedihkan apabila Presiden Perancis, Jacques Chirac, dikecam kerana menghalang Kesatuan Eropah (EU) mengeluarkan kenyataan mengutuk komen Dr Mahathir, manakala Perdana Menteri Kanada, Jean Chrétien, pula dituduh bisu oleh media negaranya kerana enggan mengulas tuduhan berkenaan. Demikianlah nasib penentang Yahudi.